

# BAHASA MELAYU



 [sajjana.sg](http://sajjana.sg)

PENGGOLONGAN KATA  
**kata pemer**

## MOHAMED NAIM DAIPI



Kata Prafrasa ialah perkataan yang terletak di hadapan frasa yang mendukung tugas-tugas tertentu bagi membuat penegasan, penafian, pemerian, penyendian, pembilangan, serta menunjukkan arah.

**KATA SENDI NAMA** **KATA BANTU** **KATA PENGUAT** **KATA PENEGAS** **KATA NAFI** **KATA PEMERI** **KATA ARAH****KATA BILANGAN****KATA ADVERBA**

Kata Pemer ialah kata yang pemerihal atau penghubung antara subjek dan dengan frasa-frasa utama dalam predikat.

**1****KATA PEMERI : IALAH**

Kata Pemer ialah kata yang menjadi pemerihal atau perangkai antara subjek dengan predikat.

**2****KATA PEMERI : ADALAH**

Biasanya adalah digunakan di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi untuk menyatakan maksud huraian (kualitatif) lanjut mengenai sesuatu benda (subjek).

## KATA PEMERI : **IALAH**

Kata Pemeiri ialah kata yang menjadi pemeri hal atau perangkai antara subjek dengan predikat.

- 01 Kereta api MRT ialah pengangkutan yang paling popular.
- 02 Dadah ialah bahan yang boleh merosakkan kesihatan.
- 03 Puan Rapiah ialah ketua Jabatan Bahasa Ibunda di sekolah ini.
- 04 Lagu itu ialah lagu terbaik hasil gubahan komposer muda yang terkenal itu.

1

**KATA PEMERI : IALAH**

Kerana mempunyai persamaan maksud, kedudukan subjek dan predikat boleh bertukar tempat

- 01 Kereta api MRT ialah pengangkutan yang paling popular.  
Pengangkutan yang paling popular ialah kereta api MRT.
- 02 Dadah ialah bahan yang boleh merosakkan kesihatan.  
Bahan yang boleh merosakkan kesihatan ialah dadah
- 03 Puan Rapih ialah ketua Jabatan Bahasa Ibunda di sekolah ini.  
Ketua Jabatan Bahasa Ibunda di sekolah ini ialah Puan Rapih.

## KATA PEMERI : **IALAH**

Kadangkala, kata pemeri ialah tidak digalakkan penggunaannya di dalam ayat.

- 01 Dia ialah kawan saya.  
(Dia kawan saya.)
- 02 Beliau ialah arkitek di firma itu.  
(Dia arkitek di firma itu)
- 03 Mereka ialah penuntut sekolah menengah Damai.  
(Mereka penuntut sekolah menengah Damai)

**2****KATA PEMERI : ADALAH**

Biasanya adalah digunakan di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi untuk menyatakan maksud huraian (kualitatif) lanjut mengenai sesuatu benda (subjek).

- 01 Semua yang dikatakannya adalah dusta.
- 02 Tuduhan ke atasnya adalah tidak benar.
- 03 Peraturan baru itu adalah daripada pengetua.
- 04 Harta peninggalan Pak Abu adalah untuk isterinya.

**Biasanya kata pemer** tidak boleh wujud di hadapan kata nafi. Namun, kata pemer boleh wujud dalam binaan kata nafi + kata adjektif


- 01 \*Pegawai Pendidikan itu ialah bukan pengetua sekolah itu.  
Pegawai Pendidikan itu bukan pengetua sekolah itu.
- 02 \*Peraturan itu adalah bukan peraturan baru.  
Peraturan itu bukan peraturan baru.
- 03 Pernyataannya di mahkamah adalah tidak benar belaka.
- 04 Keputusan pengadilan itu adalah tidak adil pada mata parti pembangkang.

**kata pemerri juga tidak boleh wujud di hadapan kata kerja atau frasa kerja.**

- 01 \*Adalah dimaklumkan bahawa pesta pop itu terpaksa dibatalkan kerana sambutannya dingin.
- 02 \*Adalah diberitahu bahawa kelas tambahan itu akan dijalankan pada masa cuti sekolah ini.
- 03 \*Adalah dinyatakan bahawa harta pusaka hartawan itu diserahkan kepada rumah anak-anak yatim itu.
- 04 \*Kejayaan projek itu adalah disebabkan kerjasama para anggota.

## Latihan 1

Tandakan tanda rait jika penggunaan kata pemer



- 01 Keputusan itu adalah tidak memuaskan hati semua peserta.
- 02 Syarikat percetakan itu ialah syarikat yang dimiliki pengusaha bumiputera.
- 03 Rumah yang dipecah masuk malam itu ialah rumah Haji Deraman.
- 04 Adalah tidak benar semua tuduhan itu.
- 05 Rumah itu adalah tempat penginapan Pak Ali.
- 06 Pendapatnya itu adalah kurang munasabah.

## Latihan 2

Isikan tempat kosong dengan kata pemerri yang tepat ke dalam ayat berikut:

- 01 Hukuman yang jatuhkan ke atas anggota parti pembangkang itu ..... adil dan saksama.
- 02 Hadiah yang di atas meja itu ..... untuk ibu saya.
- 03 Idea yang diketengahkan dalam mesyuarat itu ..... bernas.
- 04 Encik Azri ..... ketua penyelia di syarikat itu.
- 05 Peraduan menyanyi itu ..... untuk kanak-kanak.
- 06 Latihan matematik itu ..... terlalu sukar untuk murid-murid darjah empat.

TAMAT